

Andalusia taja golongan kurang mampu laksana ibadah umrah secara percuma

Tunai hajat impian 84 jemaah asnaf

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

SEPANG – Syarikat pengendali umrah dan haji, Andalusia Travel & Tours Sdn. Bhd. (Andalusia) terus menyantuni golongan kurang bernasib baik apabila menunaikan impian 84 individu asnaf di Pahang untuk melakukan ibadah umrah ke Tanah Suci.

Menerusi Program Umrah Asnaf Jelajah Kasih 4.0 Andalusia dengan Kerajaan Negeri Pahang itu, kesemua asnaf terlibat dibawa menunaikan umrah secara percuma, selain turut menerima wang belanja berjumlah RM500.

Pengerusi Eksekutif Andalusia, Datuk Md. Daud Che Ngah berkata, program itu sebahagian daripada tanggung jawab sosial korporat (CSR) pihaknya, selain mahu membantu golongan asnaf menjejaskan kaki ke Tanah Suci.

“Kesemua jemaah asnaf itu menerima layanan istimewa kerana ada penglibatan kerajaan negeri termasuk Jabatan Agama



MD. DAUD (kanan) menyampaikan taklimat kepada jemaah asnaf sebelum mereka berlepas ke Tanah Suci di KLIA Terminal 1, Sepang semalam. – FAIZ ALIF ZUBIR

Islam Pahang dan majlis daerah, yang mana mereka memainkan peranan memilih individu benar-

benar layak.

“Andalusia sangat teruja untuk membawa mereka menu-

naikan umrah dan memberikan kursus serta bimbingan kepada jemaah sebagai persediaan ke

Tanah Suci,” katanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 1 di sini semalam.

Mengulas lanjut, katanya, usaha itu menunjukkan Andalusia bukan sahaja berniaga demi keuntungan, tetapi turut berkongsi pendapatan bersama individu memerlukan.

“Jika mahu harapkan golongan asnaf, mungkin sukar untuk mereka pergi ke Tanah Suci. Jadi, apabila ada program seperti ini, ia ada rangsangan buat mereka untuk jadi insan lebih baik selepas pulang dari umrah.

“Kami bercadang untuk meneruskan program sedemikian pada masa akan datang, melibatkan golongan asnaf dari negeri-negeri lain pula,” jelasnya.

Untuk rekod, program tersebut telah memasuki edisi keempat yang mana edisi sebelumnya diadakan pada 2016, 2018 dan 2019 dengan melibatkan kira-kira 800 jemaah asnaf setakat ini.